

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/07/1126129/dasar-gaji-pekerja-tanggungjawab-kementerian-ekonomi>

Dasar gaji pekerja tanggungjawab Kementerian Ekonomi



Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli -NSTP/Mohd Fadli Hamzah

KUALA LUMPUR: Kementerian Ekonomi menegaskan perancangan ekonomi negara secara menyeluruh adalah pengurusan di bawah tanggungjawabnya termasuk di dalam dasar gaji pekerja.

Menterinya, Rafizi Ramli, berkata gaji yang tidak setara dengan kos sara hidup adalah isu pokok yang menjadi penghalang kepada peralihan Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah adalah salah satu punca yang mengakibatkan gaji yang tidak seimbang dengan nilai hasil pekerja di dalam ekonomi.

Nisbah gaji pekerja (CE) Malaysia kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2019 katanya adalah 35.9 peratus, jauh lebih rendah daripada negara maju lain seperti Jerman (59.4 peratus), United Kingdom (55.5 peratus), Australia (46.9 peratus) dan Korea Selatan (46.8 peratus).

Malah, katanya kadar gaji penengah benar dan gaji kemasukan baharu merosot selepas pandemik dan kekal lebih rendah berbanding tahap sebelum pandemik.

"Mandat Kementerian Ekonomi adalah untuk menyelesaikan isu struktur ekonomi yang boleh memperlahankan pertumbuhan ekonomi negara.

"Pertumbuhan gaji antara fokus utama reformasi struktur untuk mencapai sasaran CE negara, seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Rafizi berkata demikian sebagai maklum balas kepada kenyataan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) yang menyatakan rancangan kenaikan gaji progresif membabitkan sektor swasta dan awam bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Ekonomi, sebaliknya Kementerian Sumber Manusia yang mengendalikan dasar berkaitan gaji.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, Kementerian Ekonomi sedang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk merangka beberapa pilihan dasar untuk dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang akan membincangkan strategi terbaik ke hadapan untuk meningkatkan gaji rakyat.

Beliau berkata, butiran dan mekanisme dasar akhir akan diputuskan berdasarkan pertimbangan menyeluruh, termasuk kemampuan dan kesan kos kepada sektor swasta, pelaksanaan secara berperingkat dan persetujuan bersama tiga pihak antara kerajaan, majikan dan pekerja.

"Sesi libat urus dengan pemegang taruh utama iaitu kerajaan, majikan dan pekerja juga akan diadakan untuk mendapatkan pandangan semua pihak.

"Sementara usaha memperbaiki struktur ekonomi yang lain diteruskan, Kementerian Ekonomi akan memberi penekanan kepada aspek kenaikan gaji pekerja yang adil kepada semua pihak," katanya.